Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

Tidak perlu rombak sistem pendidikan tapi tingkatkan kualiti



Sistem pendidikan negara tidak perlu dirombak tapi perlu ditambah baik . - Gambar hiasan

- Oleh FITRI NIZAM
- 2 Mei 2024, 7:08 am

PETALING JAYA: Sistem pendidikan negara tidak perlu dirombak namun terdapat keperluan mendesak untuk meningkatkan kualiti pembelajaran sedia ada khususnya di peringkat sekolah rendah.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Setiausaha Kluster Pendidikan dan Modal Insan Majlis Profesor Negara (MPN), Dr. Anuar Ahmad berkata, beliau berpandangan laporan dikeluarkan Bank Dunia bertajuk 'Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundation Skills' bukanlah membabitkan sistem pendidikan negara secara keseluruhannya.

Sebaliknya, beliau berpandangan laporan tersebut lebih menjurus kepada isu kualiti pendidikan sedia ada yang perlu dipertingkatkan lagi dan ditambahbaik dengan segera.

"Berdasarkan laporan tersebut terdapat dua perkara penting yang perlu diberi perhatian KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia) dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan di negara iaitu membabitkan kemahiran membaca membabitkan murid di sekolah rendah dan kehadiran guru ke dalam bilik darjah.

"Apa yang dibangkitkan tidaklah sehingga menuntut KPM merombak sistem pendidikan tetapi lebih kepada memberi isyarat bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan kualiti pendidikan kita," katanya ketika dihubungi semalam.

Semalam, Tan Sri Rafidah Aziz menggesa supaya KPM merombak sistem pendidikan negara susulan pendedahan Bank Dunia dalam laporan bertajuk ‘Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundation Skills’ yang menyentuh beberapa isu termasuk kadar murid Darjah Lima yang boleh membaca lebih rendah berbanding beberapa negara Asean lain.

MENYEMAK

Beliau juga menggesa kerajaan perlu segera merombak kandungan pengajaran serta menyemak struktur serta dasar dalam sektor pendidikan, agar jurang yang ada dapat dikurangkan.

Mengulas lanjut, Anuar yang juga Pensyarah Kanan Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu berkata, dalam laporan tersebut, organisasi tersebut menyentuh isu literasi di kalangan murid yang sudah bersekolah selama lima tahun iaitu Darjah Lima.

Menurutnya, kadar literasi membabitkan golongan tersebut diletakkan pada kadar 58 peratus manakala bakinya dikategorikan sebagai tidak boleh membaca.

“Realitinya, 58 peratus tersebut dikategorikan sebagai mahir membaca manakala 42 peratus lagi membabitkan murid yang masih merangkak (membaca) dan jumlah yang tidak tahu membaca itu sebenarnya sangat kecil.

“Begitu juga dengan laporan mereka mengenai kadar ketidakhadiran guru yang kerap berlaku di sekolah-sekolah di negara ini sehingga mencapai 40 peratus, sedangkan yang benar-benar tidak hadir cuma lima peratus.

“Sebanyak 35 peratus lagi guru disifatkan sebagai jarang masuk ke bilik darjah namun bukan mereka tak hadir ke sekolah sebaliknya terdapat banyak aktiviti luar kelas yang perlu dihadiri mereka,” katanya.

Oleh demikian, Anuar berkata, isu yang perlu ditangani oleh KPM pada masa kini berdasarkan laporan bank dunia tersebut adalah masalah kualiti membabitkan guru, bilik darjah dan kokurikulum.

“Jika KPM merombak sistem pendidikan kita sekali pun ia tidak menyelesaikan masalah kerana ia adalah isu kualiti. Jadi tindakan segera harus dilakukan untuk mempertingkatkan kehadiran guru ke bilik darjah dan kokurikulum,” katanya.- UTUSAN